

23/08/1998

Pihak asing cuba jatuhkan kerajaan

Mohd Shah Abdullah; Veena Rusli

KOTA BHARU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar pihak asing yang sentiasa berusaha menjatuhkan kepemimpinan sedia ada dan menggantikannya atas alasan ingin memperbaiki kerajaan di sesebuah negara.

Perdana Menteri berkata, golongan terbabit termasuk media asing terus menyebarkan dakwah dan mendakwa kejatuhan nilai wang berpunca daripada sikap serta dasar kerajaan yang memimpin sesebuah negara.

Beliau berkata, tidak cukup dengan melumpuhkan ekonomi menerusi tekanan terhadap nilai mata wang dan saham, pihak berkenaan juga ingin menguasai politik negara dan menentukan siapa yang berhak menjadi pemimpin mereka.

"Justeru, mereka beranggapan kerajaan berkenaan mesti dijatuh dan digantikan, malah ada kerajaan yang dijatuhkan oleh rakyat sendiri kerana percaya dengan dakwah yang disebar oleh orang asing ini.

"Satu cara yang digunakan ialah menyerang ekonomi sesebuah negara dan mencetuskan huru-hara serta penindasan terhadap rakyat, kononnya untuk mendisiplinkan kerajaan.

"Kesannya, lebih 24 juta pekerja di Asia Tenggara hilang pekerjaan berikutan penurunan nilai mata wang dan ada juga kerajaan yang tumbang kerana kegawatan ekonomi," katanya ketika berucap di majlis Wacana Cinta Negara, sempena program Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Chengal, Kadok, dekat sini, semalam.

Beliau berucap kira-kira satu setengah jam di hadapan ribuan rakyat di padang Sekolah Kebangsaan Chengal. Turut hadir Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

Dr Mahathir berkata, apa yang lebih menyedihkan ialah sikap segelintir rakyat tempatan yang menyambut usaha pihak asing itu dan mencari peluang daripada kegawatan ekonomi untuk melemahkan kerajaan.

Menurutnya, golongan itu melihat serangan musuh sebagai peluang untuk mendapatkan sesuatu dan kalangan oportunistik sedemikian wajar disifatkan sebagai musuh negara kerana bersubahat dengan pihak asing.

Katanya, rakyat berhak menukar kerajaan jika timbul rasa tidak puas hati tetapi pada masa yang sama, tetap menerima sistem pemerintahan diamalkan kerana ia terbukti membawa kemajuan.

"Pihak asing mendakwa bertanggungjawab memperbaiki dan mendisiplin kerajaan, kononnya ia sesuai dengan kedudukan mereka sebagai kuasa pasaran yang berhak membentuk jenis kerajaan yang harus diadakan di negara merdeka.

"Mereka ingin membentuk kerajaan ala barat yang kononnya lebih adil, telus, tidak rasuah dan sebagainya, tetapi kerajaan mereka sebenarnya juga bukan baik belaka, termasuk kelakuan Presiden mereka," katanya.

Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton baru-baru ini mengaku mempunyai hubungan seks dengan bekas petugas Rumah Putih, Monica Lewinsky, walaupun sebelum itu pernah mengeluarkan kenyataan berbohong mengenai perkara itu.

Dr Mahathir berkata, penjajah moden itu berniat menjatuhkan nilai mata wang dan saham bagi mengaut keuntungan besar, yang didakwa mencecah AS\$1 bilion (RM4.2 bilion) sehari.

Menurutnya, pihak terbabit sanggup membantu Malaysia memulihkan ekonomi berdasarkan beberapa syarat seperti membuka pasaran negara secara luas kepada bank asing dan mewujudkan bank asing yang dimiliki sepenuhnya oleh golongan itu di negara ini.

(END)

